




B A B : I V

F a s a l P e r t a m a

1. PENDAHULUAN

1.1 Setiap negeri di Tanah Melayu, mempunyai Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^Cnya sendiri. Mengikut Jadual Kesembilan senarai negeri di dalam Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa undang-undang mengenai hal-ehwal Islam adalah termasuk di dalam senarai negeri.¹

Bagi Wilayah Persekutuan Enakmen yang terpakai ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^C Wilayah Persekutuan 1974. Enakmen ini diubah suai daripada Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^C Negeri Selangor Akta A 206, Enakmen Selangor No.3, tahun 1952.² Ini adalah berikutan dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan pada lhb. Feb. 1974, yang sebelum ini ianya menjadi sebahagian dari Negeri Selangor.

1.2 Di antara kandungan yang terdapat dalam Enakmen ini ialah mengenai tuntutan-tuntutan yang berlandaskan Agama Islam dan kesalahan-kesalahan yang dimasukkan ke dalam kategori kesalahan-kesalahan jenayah. Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^C Wilayah Persekutuan 1974 ini telah mula di-

kuatkuasakan mulai lhb. Ogos. 1974 dan disiarkan di-
dalam Warta Kerajaan Bil. 8, No. 3, 1974. Mulai dari
tarikh tersebut Enakmen ini dikira sah dan kuatkuasa
undang-undang di dalam kawasan Wilayah Persekutuan.

2. PENUBUHAN UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWA JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

2.1 Sebelum tertubuhnya, Unit Penguatkuasa dan
Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
tidak ada satu badan khas yang bertanggung jawab
untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan yang
melanggar undang-undang di dalam Enakmen yang
disebutkan di atas. Walau pun Jabatan Agama Islam
ditubuhkan pada tahun 1974, ianya tidak dapat ber-
fungsi dengan sewajarnya. Keadaan ini berlarutan
sejak dari bulan Febuari 1974 hingga ke bulan Disem-
ber 1975. Ini telah menimbulkan pelbagai reaksi
dari semua pihak, terutamanya umat Islam. Setengah-
tengahnya telah mencabar kewibawaan Jabatan ini
dalam usahanya membentaras dan mengambil tindakan
ke atas pelanggaran undang-undang di dalam Enakmen
ini.³

Hal ini telah menimbulkan kesedaran kepada pihak pentadbir Jabatan ini, untuk menubuhkan satu unit khas bagi mengambil segala tindakan terhadap pelanggaran undang-undang dalam Enakmen ini. Unit khas ini dinamakan Unit Penguatkuasa dan Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

2.2 Unit Penguatkuasa dan Pendakwa ini telah ditubuhkan pada awal tahun 1976 yang diletakkan di bawah Urusetia (Pentadbiran Am) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syaria^h.⁴ Pada mulanya unit ini diwujudkan secara seponatan tanpa perancangan yang rapi, teliti dan sistematik. Keadaan ini telah menyebabkan kelemahan dan kekurangan kepada jentera pentadbiran unit ini. Pada awalnya unit ini hanya mempunyai empat orang pegawai sahaja, yang mana sudah mereka ini tidak dapat membendung segala bentuk pelanggaran undang-undang di dalam Enakmen ini.

Menyedari hakikat inilah maka satu penyusunan semula organisasi ini telah pun dicadangkan, bagi mengemaskinikan jentera pentadbiran unit

199

ini untuk mencapai dasar dan objektif yang dirancang. Sejak penubuhannya unit ini terletak di JKR 3437, Jalan Keramat, 54000 Kuala Lumpur. Kemudian unit ini telah dipindahkan ke tingkat bawah Podium, Bangunan PERKIM, No. 150 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.

2.3 Unit ini telah diletakkan dibawah bahagian pentadbiran undang-undang syariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ianya mempunyai dua sub unit iaitu sub unit Penguatkuasa dan sub unit Pendakwa. Manakala sub unit penguatkuasa mempunyai dua cawangan iaitu cawangan ajaran salah dan cawangan penyiasatan dan pencegahan.

2.4 Dari segi perjawatan, unit ini mempunyai jawatan-jawatan yang terdiri dari Pengarah, Ketua Penolong Penguatkuasa dan Pendakwa Tingkatan Tertinggi 'G' (A:10), pegawai-pegawai hal-ehwal Islam Tingkatan Kanan (A:12), empat orang pegawai hal-ehwal Islam Tingkatan Biasa (A:22). Seorang pembantu hal-ehwal Islam Tingkatan Kanan (C:03), dua puluh satu pembantu hal-ehwal Islam Tingkatan Biasa (C:11), seorang jurutaip (D:11), seorang pelayan pejabat, tiga orang pengawal keselamatan(D:19-1), seorang buruh Am (D:47-00) dan dua orang pemandu.⁵

3. OBJEKTIF UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWA

3.1 Pada awal pebubuhan unit ini, ianya hanya menumpukan kepada satu objektif sahaja iaitu mengambil tindakan ke atas pelaku-pelaku kesalahan jenayah di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^c 1974. Setelah unit ini dikembangkan dan diperbesarkan, ianya berupaya untuk melaksanakan beberapa objektif lain, disebabkan pertambahan pegawai dan komunikasinya dengan agensi-agensi kerajaan dan orang awam yang menyedari hakikat bahawa mencegah maksiat adalah menjadi kewajipan seluruh orang Islam. Pada masa kini unit ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut;⁶

i. Mencegah kemunkaran di kawasan Wilayah Persekutuan,

ii. Mencegah penyerapan ideologi zionis, komunis dan lain-lain ke dalam ajaran Islam di Wilayah Persekutuan,

iii. Menegakkan syiar Islam dan ketinggian moral umat Islam melalui penguatkuasaan undang-undang,

iv. Mencegah penyelewengan terhadap akidah, kutipan zakat, khairat dan lain-lain,

v. Memberi panduan dan dorongan kepada muda-mudi dalam mengatur rumahtangga yang baik dan sempurna.

4. STRATEGI UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWA

4.1 Di antara strategi-strategi yang dirancang oleh unit ini adalah seperti berikut;⁷

i. Mengadakan operasi semasa untuk membuat tindakan ke atas pelaku-pelaku jenayah Syara^c di Wilayah Persekutuan,

ii. Mendapatkan kerjasama dengan pihak polis dan Kementerian Perdagangan untuk merancang tindakan ke atas perkara-perkara yang munkar dan maksiat di Wilayah Persekutuan,

iii. Mengadakan kerjasama dengan jawatan-kuasa Masjid dan Ketua Perhubungan Masyarakat,

iv. Mendapatkan kerjasama dari pertubuhan-pertubuhan sukarela dan orang ramai bagi mendapatkan maklumat pelaku-pelaku jenayah Syara^c,

v. Mengemaskinikan semua maklumat-maklumat dalam unit dan mengadakan hubungan dengan bahagian dan unit di bawah Jabatan.

5. FUNGSI UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWA

5.1 Unit Penguatkuasa dan Pendakwa ini mempunyai fungsi-fungsi tertentu. Antaranya ialah seperti berikut;⁸

i. Menjalankan penyiasatan untuk mendapatkan maklumat awal dan membuat tinjauan ke tempat-tempat yang disyaki adanya kesalahan di bawah Enakmen ini,

ii. Membuat serbuan dan pemeriksaan di tempat-tempat yang telah dilaporkan berlakunya kesalahan-kesalahan tersebut,

iii. Menjalankan pendakwaan dan menyimpan rekod-rekod Mahkamah, pengintipan dan serbuan,

iv. Membuat penyiasatan dan mengambil langkah ke atas penyebaran ajaran sesat dikalangan masyarakat Islam dan

v. Membincang dan mengatur cara-cara yang baik pasangan yang ingin berkahwin sejajar dengan kehendak-kehendak Islam.

6. TUGAS DAN BIDANGKUASA PEGAWAI-PEGAWAI UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWA

6.1 Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasa dan Pendakwa

Di antara tugas dan bidangkuasa pegawai ini ialah seperti berikut;⁹

i. Menjadi ketua dalam pendakwaan di-Mahkamah,

ii. Bertanggungjawab dalam pentadbiran unit Penguatkuasa dan Pendakwa dan bertanggungjawab di atas kerjaya pegawai-pegawai di unit ini,

iii. Bertanggungjawab mengatur strategi bagi kemajuan siasatan unit ini,

iv. Bertanggungjawab terhadap kes-kes yang dibawa ke Mahkamah dan menentukan fasal-fasal kesalahan di dalam Enakmen,

v. Bertanggungjawab di atas kes-kes rayuan ulang bicara dan mempertahankan kes-kes di Mahkamah.

6.2 Pegawai Pendakwa

6.2.1 Sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dibawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^c Wilayah Persekutuan 1974, fasal 64(b),¹⁰ pendakwaan dalam kes-kes jenayah hendaklah dibuat oleh pegawai pendakwa yang dilantik oleh kerajaan. Berhubung dengan ini mereka yang dilantik tersebut bertanggungjawab untuk mengendalikan pendakwaan di-mahkamah-mahkamah kadi dan kadi besar Wilayah Persekutuan. Di antara tugas pegawai pendakwa ialah seperti berikut;¹¹

i. Mengkaji segala laporan kes bersabit dengan pelanggaran undang-undang 1974 untuk didakwa di Mahkamah Syar'iiyyah,

ii. Mengkaji semula kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syar'iyah untuk membuat rayuan ulangbicara dalam Mahkamah yang lebih tinggi,

iii. Mempertahankan sesuatu kes yang telah diputuskan dan dibawa ke Mahkamah ulangbicara,

iv. Melaksanakan perjalanan pendakwaan di Mahkamah Syar'iyah dan mendapatkan nasihat dari penasihat undang-undang (mufti) bagi kes-kes yang rumit (Peguam Negara),

v. Mengeluarkan laporan-laporan lengkap bagi tiap-tiap satu kes yang telah selesai dibicarakan mengenai tindakan bukti dan mengeluarkan laporan bagi kes-kes yang tidak dapat dibicarakan dengan memberi keterangan mengenai kerumitan yang didapati di dalam mendakwa kes-kes tersebut,

vi. Menyediakan kertas kerja untuk kes-kes yang memerlukan izin Majlis atau Jabatan,

vii. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari masa ke semasa.

6.3 Penolong Pengarah Penguatkuasa dan Pencegahan

6.3.1 Bidang tugas Penolong Pengarah Penguatkuasa dan Pencegahan adalah seperti berikut;¹²

i. Menyediakan dan mengawasi kerja-kerja pegawai penyiasat,

ii. Bertanggungjawab menjalankan pengintipan dan berusaha mendapatkan maklumat-maklumat awal mengenai kesalahan-kesalahan jenayah yang disebutkan dalam Enakmen,

iv. Bertanggungjawab menjalankan pengawasan, penyeliaan penyiasatan ke atas pelaku-pelaku jenayah dibuat di bawah Enakmen dan membuat pemeriksaan mengenainya,

v. Bertanggungjawab mengambil tindakan dan sebulan ke atas pelaku-pelaku jenayah,

vi. Bertanggungjawab ke atas rekod-rekod pengintipan, penyiasatan dan pendakwaan serta membuat perbincangan dengan pendakwa tentang kedudukan kes dari segi undang-undang dan pendakwaan.

6.4 Pegawai-Pegawai Penyiasat

6.4.1 Pada masa sekarang, unit ini mempunyai 21 orang pegawai penyiasat. Kesemuanya menjalankan tugas penyiasatan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pelaku-pelaku jenayah syara^c di-Wilayah Persekutuan. Di antara bidang tugas pegawai penyiasat ini ialah seperti berikut;¹³

i. Menerima aduan mengenai kes-kes yang bersabit dengan kes kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^c 1974,

ii. Mengkaji aduan-aduan untuk disiasat atau diambil tindakan mengikut Enakmen,

iii. Menyiasat terhadap kes-kes perlanggaran undang-undang di bawah Enakmen ini dan mendaftarkan aduan-aduan ke dalam buku pendaftaran khas baginya,

iv. Mendapatkan keterangan lengkap sesuatu kesalahan yang telah berlaku,

v. Menyiasat bersama-sama dengan pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke kilang atau tempat-tempat memproses makanan dan minuman bagi memastikan halal, haramnya,

vi. Melaporkan dan membincang hasil laporan dan penyiasatan kepada Pengarah Penguatkuasa,

vii. Menghadirkan diri ke Mahkamah untuk menjadi saksi dan membuat kerja-kerja mengikut arahan Ketua Jabatan dari masa ke samasa.

6.5 Pembahagian Tugas dan Kawasan¹⁴

6.5.1 Pembahagian kawasan di dalam Wilayah Persekutuan telah dibuat sebanyak empat kawasan, berdasarkan kawasan-kawasan besar polis. Setiap kawasan itu ditugaskan empat orang pegawai untuk menjaga dan bertanggungjawab di kawasan masing-masing. Pada masa ini proses perjalanan operasi ini dibahagikan kepada empat kumpulan (A, B, C dan D).

i. Kumpulan A (kawasan Balai Polis Dang Wangi)

ii. Kumpulan B (kawasan Balai Polis Brickfield)

iii. Kumpulan C (kawasan Balai Polis Cheras)

iv. Kumpulan D (kawasan Balai Polis Sentul)

6.6 Kegiatan Am Pegawai-Pegawai Penguatkuasa

6.6.1 Pegawai-pegawai unit ini telah menjalankan berbagai kegiatan untuk mencapai objektif yang dirancang dan selaras dengan dasar yang telah ditentukan. Antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa ialah;

i. Menerima dan meneliti aduan,

ii. Membuat rondaan dan pemeriksaan,

iii. Membuat panggilan kepada pesalah atau kepada saksi-saksi,

iv. Menyoal siasat ke atas pesalah dan saksi-saksi,

v. Menyediakan fail-fail kes dan membawanya ke Mahkamah,

vi. Menjalankan pendakwaan di Mahkamah Kadi atau Kadi Besar dan lain-lain tugas.

7. PROSEDUR PENDAKWAAN

Prosedur sesuatu pendakwaan yang dijalankan oleh unit penguatkuasa dan pendakwa bermula dari aduan kemudian diikuti dengan penyiasatan dan seterusnya pendakwaan, perbicaraan dan penjatuhan hukuman oleh Mahkamah ke atas pesalah.

7.1 Aduan

7.1.1 Apabila sesuatu aduan itu diterima samada melalui telefon, melalui surat atau pengadu datang sendiri ke unit ini, maka pendaftar aduan hendaklah mencatatkan butir-butir aduan itu dengan lengkap dalam borang khas penerimaan aduan¹⁵ yang telah disediakan. Borang penerimaan aduan itu hendaklah ditandatangani oleh penerima aduan dan orang yang membuat aduan.

7.2 Penyiasatan

7.2.1 Selepas penelitian dibuat ke atas aduan itu, kumpulan yang ditugaskan akan menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan ke tempat sasaran, dan

jika difikirkan patut pegawai-pegawai tersebut boleh meminta kerjasama daripada pihak polis bagi membuat penyiasatan dan pemeriksaan tempat kejadian. Kebiasaannya penyiasatan dan pemeriksaan akan dijalankan pada waktu malam dan awal pagi.

7.2.2 Semasa membuat penyiasatan terhadap aduan dan didapati adanya pelaku-pelaku kesalahan dibawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^c Wilayah Persekutuan 1974, penyelia yang bertugas dalam gerakan itu akan mengeluarkan surat panggilan atau borang siasatan aduan¹⁶ kepada pesalah supaya mereka hadir ke unit ini untuk diambil keterangan mengenai kejadian yang berlaku.

7.2.3 Penyelia yang bertugas di dalam penyiasatan itu juga hendaklah memastikan alamat yang diberikan oleh orang yang kena tuduh itu betul, tetapi jika alamat yang diberikan itu meragukan pegawai-pegawai penyiasat, maka mereka bolehlah mengambil tindakan segera dengan membawa terus orang yang dituduh itu ke unit ini. Dalam masa yang sama, pegawai yang bertugas hendaklah men-

catatkan segala butir-butir siasatan di dalam borang keterangan ringkas.¹⁷ Sekiranya kesalahan yang dilakukan itu memerlukan saksi maka surat panggilan atau borang siasatan aduan akan dikeluarkan kepada saksi-saksi berkenaan supaya hadir ke unit ini untuk memberikan keterangan.

7.2.4 Apabila pelaku kesalahan itu hadir ke-unit ini maka soal-siasat dan rakaman percakapan akan dilakukan. Bagi pesalah lelaki dan saksi lelaki rakaman percakapan akan diambil oleh pegawai penyiasat lelaki. Manakala pesalah wanita dan saksi wanita rakaman percakapan akan diambil oleh pegawai penyiasat wanita.

7.2.5 Tindakan menyoal siasat akan dijalankan di bilik soal-siasat yang telah disediakan. Semasa soal-siasat dijalankan semua butiran yang diperlukan akan dicatatkan dalam borang percakapan dalam pemeriksaan.¹⁸ Kemudian rakaman percakapan itu akan ditunjukkan kepada pelaku kesalahan untuk didengarkan kepadanya. Apabila pesalah bersetuju dengan rakaman itu maka pelaku kesalahan dan saksi-saksi akan menandatangani borang itu.

7.2.6 Selepas soal-siasat dijalankan dan semua butiran yang perlu dicatatkan dalam borang percakapan dalam pemeriksaan maka fail akan dibuka. Proses penyediaan fail bermula selepas selesai soal-siasat dijalankan. Kerani yang bertugas akan mendaftarkan fail itu dengan menyenaraikan nombor urutan yang seterusnya. Kemudian fail tersebut akan diserahkan kepada penyelia atau penyelaras untuk tindakan selanjutnya. Penyelia akan melengkapkan segala dokumen yang perlu, dan fail itu akan dipanjangkan kepada Penolong Pengarah Penguatkuasa untuk tindakan seterusnya. Sekiranya kes wujud fail tersebut akan dipanjangkan kepada pendakwa untuk tindakan pertuduhan (charge sheet).

7.2.7 Pendakwa akan membuat surat kepada Mahkamah dan surat itu akan dilampirkan bersama-sama kertas pertuduhan.¹⁹ Pendakwa akan meminta kepada Mahkamah supaya menetapkan tarikh dan waktu perbicaraan untuk sebutan serta meminta Mahkamah supaya mengeluarkan saman kepada yang dituduh.²⁰ Jika dalam sebutan itu, orang yang dituduh itu mengaku salah, maka pendakwa akan memohon kepada Mahkamah supaya menjatuhkan hukuman ke atas yang dituduh. Jika yang dituduh itu tidak mengaku salah

pendakwa hendaklah meminta kepada Mahkamah supaya menangguhkan perbicaraan dan mengeluarkan subpeona²¹ Kadi kepada saksi-saksi untuk hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan bagi memberikan keterangan. Jika saksi-saksi tersebut enggan hadir ke Mahkamah, Mahkamah akan mengeluarkan waran tangkap untuk menghadirkan mereka pada hari perbicaraan.

7.3 Pendakwaan dan Perbicaraan

7.3.1 Apabila Hakim masuk ke tempat perbicaraan, para hadirin dikehendaki berdiri, kemudian pendakwa pula berdiri dan menyatakan sebagai pendakwa dalam kes itu, selepas itu diikuti oleh peguam bela (jika ada) menyatakan sebagai peguam bela terhadap kes itu. Selepas itu Hakim akan mengarahkan perbicaraan dimulakan.

7.3.2 Kerani atau Pendaftar Mahkamah akan memanggil orang yang kena tuduh dan membacakan pertuduhan secara ringkas serta bertanyakan samada yang dituduh itu mengaku salah atau ingin dibicarakan.

7.3.3 Apabila orang yang kena tuduh itu mengaku salah, pendaftar Mahkamah akan menyerahkan fail pertuduhan itu kepada Hakim, kemudian Hakim akan mencatatkan pengakuan salah itu, dengan syarat Mahkamah menentukan bahawa orang yang kena tuduh itu faham akan keadaan dan akibat dari pengakuannya itu. Pengakuan itu hendaklah dibuat berkali-kali tanpa menarik balik pengakuan salah itu.

7.3.4 Selepas itu, Hakim akan mengarahkan pendakwa bangun untuk membentangkan fakta-fakta kes dan mengeluarkan hujjah-hujjah serta bukti yang mensabitkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang yang kena tuduh.

7.3.5 Sebelum Hakim menjatuhkan hukuman ke atas orang yang kena tuduh berdasarkan kepada pengakuan salahnya. Hakim akan memberikan peluang kepada orang yang kena tuduh itu membuat rayuan kepada Mahkamah untuk meringankan hukuman ke atasnya. Dalam masa yang sama Hakim juga akan memberikan nasihat dan amaran kepada orang yang dituduh, sekiranya kesalahan yang sama dilakukan lagi, maka hukuman yang lebih berat akan dikenakan ke atasnya.

7.3.6 Jika orang yang dituduh itu enggan mengaku salah atau memohon pada Mahkamah supaya kes itu dibicarakan, maka pendaftar Mahkamah akan akan menyerahkan fail pertuduhan itu kepada Hakim dan Hakim akan mencatatkan keengganan yang dituduh itu dari mengaku salah. Pendakwa juga boleh memohon kepada Hakim supaya menangguhkan perbicaraan untuk memberikan peluang kepada orang yang dituduh itu membawa saksi-saksinya atau mengemukakan apa-apa keterangan bagi menafikan tuduhan yang dikemukakan terhadapnya, atau pendakwa juga boleh memohon supaya orang yang dituduh itu diikat jamin²² dan meminta kepada Mahkamah supaya menetapkan tarikh perbicaraan dan mengeluarkan subpeona kadi kepada saksi-saksi supaya hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan.

7.3.7 Jika orang yang kena tuduh itu tidak hadir ke Mahkamah setelah tamat tempoh penangguhan perbicaraan, maka pendakwa hendaklah memohon kepada Mahkamah supaya mengeluarkan waran tangkap²³ atau memohon kepada Mahkamah supaya merampas wang ikat jamin orang yang kena tuduh itu.²⁴

7.3.8 Sebaliknya jika orang yang kena tuduh itu hadir ke Mahkamah, pendakwa hendaklah memohon kepada Mahkamah supaya memanggil saksi pertama dan saksi-saksi seterusnya seorang demi seorang untuk memberikan keterangan.

7.3.9 Selepas itu pendakwa akan menyoal orang yang kena tuduh, saksi-saksi pendakwa dan saksi-saksi orang yang kena tuduh (jika ada) di hadapan Hakim untuk menerangkan kes yang berlaku. Jika orang yang kena tuduh itu mempunyai peguam bela, maka peguam belanya akan menyoal balas saksi-saksi pendakwa dan saksi-saksi bagi pihak orang yang kena tuduh.

7.3.10 Kemudian, Hakim akan memberikan peluang kepada pendakwa dan peguam bela orang yang kena tuduh untuk menggulung hujjah-hujjah mereka masing-masing. Hakim juga boleh menangguhkan perbicaraan untuk sementara waktu untuk membuat penelitian dan penyemakan berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi kedua-dua pihak dengan tujuan untuk menentukan samada wujudnya kes atau pun tidak.

7.3.11 Jika selepas dari mengambil semua keterangan itu Mahkamah berpendapat tidak ada kes terhadap orang yang kena tuduh yang boleh menyebabkan sabitan ke atasnya, Mahkamah hendaklah memerintahkan pembuangan kes. Sebaliknya jika selepas mengambil semua keterangan itu, Mahkamah berpendapat ada alasan untuk menganggap bahawa orang yang dituduh itu melakukan kesalahan seperti yang dituduhkan, maka Mahkamah berkuasa membicarakannya.

7.3.12 Setelah itu, Mahkamah akan mengambil orang yang kena tuduh itu untuk membela diri (jika ada kes). Dalam keadaan ini, Hakim akan mengarahkan peguam bela untuk membuat soal awal kepada semua saksi-saksi, kemudian diikuti oleh pendakwa untuk membuat soal balas kepada semua saksi-saksi. Seterusnya, peguam bela sekali lagi dibenarkan untuk membuat soal balas semula dan menggulung semua hujjah-hujjah yang dikemukakan kepada Hakim. Apabila peguam bela selesai menggulung semua hujjah-hujjahnya, Hakim akan mengarahkan pendakwa untuk menggulung hujjah-hujjahnya secara menyeluruh dan memberikan pandangan serta pengesyorannya kepada Mahkamah bersabit dengan kes itu.

7.4 Hukuman

7.4.1 Apabila semua hujjah-hujjah keterangan dari pihak pendakwa dan peguam bela selesai dikemukakan, Hakim akan membuat keputusan atau penjatuhan hukuman ke atas orang yang dituduh berdasarkan kesalahan yang dilakukannya.

7.4.2 Jika orang yang dituduh itu tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan, hukuman atau perintah yang dijatuhkan oleh mana-mana Mahkamah Kadi di dalam satu-satu kes jenayah, maka ia bolehlah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syari^cah, terhadap keputusan, hukuman atau perintah berkenaan atas apa-apa kekhilafan undang-undang atau fakta atau atas dasar hukuman yang berlebihan atau apa-apa hukuman yang dikatakan tidak memadai.

7.4.3 Rayuan itu boleh dibuat dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh keputusan, hukuman atau perintah berkenaan dikeluarkan atau dibuat dengan memberi notis rayuan itu dalam tiga salinan dan dialamatkan kepada Mahkamah Rayuan Syari^cah.

- 1 Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai Negeri.
- 2 Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^c Negeri Selangor 1952 (Pindaan) 1974.
- 3 Sumber: Unit Penguatkuasa dan Pendakwa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- 4 Lihat; Lampiran: A
- 5 Unit Penguatkuasa dan Pendakwa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Laporan Aktiviti Unit Januari hingga Mac 1989.
- 6 Sumber: Unit Penguatkuasa dan Pendakwa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- 7 Ibid.
- 8 Ibid.
- 9 Ibid.
- 10 Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^c Negeri Selangor 1952 (Pindaan) 1974, seksyen 64(b)
- 11 Sumber: Unit Penguatkuasa dan Pendakwa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

- 12 Ibid.
- 13 Ibid.
- 14 Ibid.
- 15 Lihat; Lampiran: B
- 16 Lihat; Lampiran: C
- 17 Lihat; Lampiran: D
- 18 Lihat; Lampiran: E
- 19 Lihat; Lampiran: F
- 20 Lihat; Lampiran: G
- 21 Lihat; Lampiran: H
- 22 Kanun Acara Jenayah, seksyen 387(i)
- 23 Lihat; Lampiran: J
- 24 Kanun Acara Jenayah, seksyen 404(i)(a)